

IQRA'

Bil. 4/2022
APRIL

eISBN : 2735-1920



Majlis Sanjungan Budi
Ts. Noor Hidayat bin Adnan
1 April 2022 (Jumaat)
2-45 petang
Bertempat di Anjung Seri Budaya, UiTM Shah Alam

Stamps Courtesy of YouTube Channel: Perpustakaan UiTM



Program Khidmat Masyarakat: Kongsi Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan
PTAR Jasin - muka 14




Live@PTAR: Tazkirah Ramadhan - Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan
PTAR Kuala Terengganu - muka 17



Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI
PTAR Segamat - muka 30

Quran Hour@PST
PST Shah Alam - muka 38

PROMOSI@PTAR



Kata alu-aluan Ketua Timbalan Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, IQRA' telah berjaya diterbitkan hasil kerjasama antara sidang redaksi IQRA' dan penulis di Perpustakaan UiTM keseluruhannya. Setiap keluaran IQRA' menghimpunkan pelbagai berita yang berlangsung di Perpustakaan UiTM, samada berbentuk program, aktiviti, latihan, lawatan, ceramah, sukan, pencapaian dan khidmat masyarakat.

IQRA' ialah wadah penghubung antara Perpustakaan UiTM dan pembaca. Berita-berita yang diterbitkan mencerminkan kesungguhan perpustakaan melaksanakan amanah mengemudi perpustakaan demi melihat kejayaan anak bangsa pada masa hadapan. Tidak lengkap rasanya jika himpunan berita ini tidak diterbitkan demi rujukan generasi akan datang.

IQRA' telah diterbitkan secara digital dalam format buku elektronik sejak tahun 2016. Ini bermakna telah enam tahun IQRA' menyimpan berita tentang Perpustakaan UiTM secara atas talian . Kini IQRA' telah diterbitkan dalam format portal berita digital dan menjadikan akses pembaca kini lebih pantas.

Suatu hari nanti, IQRA' akan mempunyai nilainya yang tersendiri terutama di kalangan penyelidik yang ingin merujuk tentang Perpustakaan UiTM. IQRA' dan penulisan perlu bergerak seiring. Penulisan ialah salah satu aktiviti pembudayaan ilmu. Penulisan bermula hasil cetusan daripada pembacaan menerusi pelbagai medium maklumat, samada ber cetak mahupun elektronik. Melalui penulisan, ilmu pengetahuan individu akan berkembang dan mendorong kepada penciptaan maklumat baharu. Memetik kata-kata penulis tersohor Indonesia, Pramoedya Ananta Toer, "Orang boleh pandai setinggi langit, tapi selama ia tidak menulis, ia akan hilang dalam masyarakat dan dari sejarah. Menulis adalah bekerja untuk keabadian".

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi IQRA' serta para penulis yang telah menyumbang kepada penerbitan IQRA' kali ini. Semoga jasa baik tuan/puan akan dibalas dengan sebaik-baik balasan jua.

Wassalam.

Encik Jamalludin bin Haji Sulaiman,
Ketua Timbalan Pustakawan.
Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan UiTM.



Encik Jamalludin Haji Sulaiman
Ketua Timbalan Pustakawan UiTM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Sidang Redaksi

IQRA'

PENASIHAT

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

EDITOR

En. Norhazlan bin Nordin

PENYELARAS

Pn. Asmah binti Sabtu

REKA BENTUK GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

Shah Alam	: Asmah Sabtu, Nurul Fariyah Sarmin Panut, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Nur Azian Azis
Melaka	: Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Khairil Izwan Hasan
Sabah	: Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
Kedah	: Mohd Amiruddin Mohd Nasir
Pulau Pinang	: Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
Kelantan	: Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
Perak	: Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
Pahang	: Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
Johor	: Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
Selangor	: Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

MAJLIS SANJUNGAN BUDI KETUA PUSTAKAWAN PTAR 1 APRIL 2022

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



Untuk menonton semula:



Bertempat di Anjung Seri Budiman, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan Majlis Sanjungan Budi Ts. Noor Hidayat bin Adnan, mantan Ketua Pustakawan PTAR sebagai apresiasi sumbangan dan khidmat bakti selama 36 tahun perkhidmatan di UiTM.

Majlis yang telah berlangsung pada 01 April 2022 (Jumaat) jam 03:00 petang ini, telah dihadiri YBhg. Professor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah binti Mohd Janor, Naib Canselor UiTM.

Turut mengiringi Naib Canselor ialah YBhg. Profesor Dr. Mohamad Sazili bin Shahibi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) dan YBhg. Profesor Dr. Mohamad Hariri bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni).

Sejumlah 46 orang yang terdiri daripada barisan Pengurusan Eksekutif UiTM dan Ahli Jawatankuasa Majlis Sanjungan Budi telah berhimpun di Anjung Seri Budiman bagi meraikan mantan Tuan Ketua Pustakawan PTAR.

Majlis tersebut dimulai dengan ucapan penghargaan oleh Encik Jamalludin bin Hj. Sulaiman sebagai mewakili staf PTAR, disusuli dengan ucapan penghargaan daripada Naib Canselor UiTM.

Tuan Ts. Noor Hidayat bin Adnan turut menyampaikan ucapan perpisahan sambil mengimbau kenangan sepanjang perkhidmatan di PTAR, UiTM. Pelbagai memori indah dan cabaran getir yang telah ditempuhi oleh beliau telah dikongsi bersama para hadirin. Harapan beliau ialah ingin melihat PTAR terus maju sebagai sebuah perpustakaan peneraju di institusi pengajian tinggi.

Di akhir majlis, Tuan Ts. Noor Hidayat dengan diiringi oleh Encik Mohd Alfarabie Mohd Nasir telah dibawa melawat ruang pameran "A Walk Down Memory Lane". Di ruang ini, puluhan foto Tuan Ts. Noor Hidayat sewaktu berkhidmat telah dipamerkan sebagai rakaman penghargaan yang tidak terhingga buat beliau.




MAJLIS TAZKIRAH PTAR BERSEMPENA BULAN RAMADAN

1 APRIL 2022

**BULETIN
IQR**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



Bersempena menyambut bulan Ramadan tahun 1443 Hijriah/ 2022 Masihi, Jawatankuasa Tazkirah PTAR telah menganjurkan tazkirah bulan April dengan topik Ramadan.

Program tazkirah ini telah disampaikan dengan berkesan oleh YBrs. Ustaz Mohammad Shaffiaizad Amar. Selama satu jam bermula jam 9 pagi, masa para hadirin telah diisi dengan perkara asas berkaitan ibadah puasa terutama pengisian disepanjang bulan Ramadan.

Seramai tiga puluh orang telah menghadiri program ini yang bermatlamatkan pengisian ilmu kerohanian. Sepanjang sesi ini, Encik Mohd. Adib Mohd Mohsin telah bertindak selaku pengacara program yang turut dihadiri Encik Jamalludin bin Hj. Sulaiman, Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan.



LAWATAN TANDA ARAS KEMUDAHAN AUGMENTED REALITY DAN VIRTUAL REALITY (AR&VR)

6 APRIL 2022

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



PTAR mengalu-alukan kehadiran *Disaster Preparedness & Prevention Center (DPPC), Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur* yang telah mengadakan lawatan tanda aras PTAR pada 06 April 2022 (Rabu) tepat jam 10:00 pagi.



Para pelawat telah disambut oleh Encik Jamalludin bin Haji Sulaiman, Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan dan Tuan Ts. Hj. Azizi bin Jantan, Ketua Jabatan Perpustakaan Digital, PTAR.

Lawatan seramai tiga (3) orang ini diketuai YBrs. Profesor Madya Sr. Dr. Siti Uzairiah, Timbalan Pengarah, turut diiringi dua pegawai iaitu Encik Muhammad Syahir, Penolong Pegawai Penyelidik dan Encik Muhammad Islah bin Sulaiman, Penolong Jurutera.

Selama dua (2) jam, para pelawat telah dibawa melihat kemudahan AR&VR berjumlah lapan (8) unit di bilik eSports, aras satu, PTAR disamping perkongsian pendapat dan maklumat berkaitan teknologi AR&VR. Para pelawat turut mempelajari teknik penggunaan peralatan AR&VR.

PTAR sebagai pusat pengumpulan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran telah menyediakan kemudahan AR&VR untuk kegunaan pelajar khususnya bidang Sains Komputer dan boleh diakses penggunaannya sewaktu perpustakaan beroperasi.

Taklimat lawatan telah disampaikan dengan baik oleh Tuan Hj. Ahmad Faizar bin Jaafar, Jabatan Perpustakaan Digital, PTAR.

Di penghujung lawatan ini, kedua-dua pihak saling bertukar cenderamata sebagai tanda penghargaan sepanjang lawatan ini berlangsung.



**KUNJUNGAN HORMAT PTAR KEPADA TIMBALAN
NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR-HEP)
7 APRIL 2022**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM**



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah mengadakan sesi kunjungan hormat kedua pada 7 April 2022 hari Jumaat bertempat di Dewan Seminar, Kolej Mawar. Sesi kunjungan kali ini telah menghimpunkan seramai 24 orang wakil PTAR dan pejabat HEP.

Majlis yang bermula tepat jam 9 pagi ini telah dimulai dengan ucapan Timbalan Naib Canselor HEP, YBhg. Profesor Dr. Mohd Sazili bin Shahibi. Dalam ucapannya YBhg. Prof. amat mengalu-alukan kunjungan hormat PTAR dan berharap akan terhasil program usahasama antara PTAR dan pejabat HEP. Turut disentuh iaitu fungsi PTAR sebagai pusat pengumpulan maklumat dan rujukan warga universiti.

Kunjungan hormat ini diteruskan dengan sesi taklimat dan perkongsian maklumat yang telah disampaikan oleh empat orang wakil PTAR iaitu Encik Jamalludin bin Hj. Sulaiman, Ketua Timbalan Pustakawan; Puan Shahidatul Akhmad binti Rambeli, Timbalan Ketua Pustakawan Bahagian Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan; Ts. Tuan Haji Azizi bin Jantan, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Jabatan Perpustakaan Digital dan Encik Abdul Razak bin Abdul Rahman, Pustakawan Kanan Jabatan Arkib Universiti.

Di akhir sesi, Encik Jamalludin dan Profesor Dr. Mohd Sazili telah saling bertukar-tukar cenderamata sebagai tanda penghargaan oleh kedua belah pihak.



HAPPY LEARNING@PTAR: THE SOUND OF MALAYSIAN GAMBUS

12 APRIL 2022

BULETIN
IQRa

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



Happy Learning@PTAR bertarikh 12 April 2022 (Selasa) jam 10:00 pagi telah membawakan alat muzik gambus dekat di hati pengguna perpustakaan.

Pensyarah Kolej Pengajian Konservatori Muzik, UiTM, Encik Abdullah Mohd Redza atau lebih dikenali sebagai Dollah Gambus bersama para pelajar semester 4, program CAMU110 Diploma Muzik telah mengalunkan irama alat muzik gambus sehingga para penonton seramai hampir 30 orang tidak berganjak mendengarnya.

Encik Jamalludin bin Sulaiman, Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan turut meluangkan masa menyaksikan persembahan alat muzik gambus ini.

Persembahan alat muzik gambus bermula dengan penerangan alat muzik gambus oleh Dollah Gambus. Persembahan diteruskan dengan petikan gambus kumpulan pelajar seramai tujuh orang. Kumpulan pelajar ini telah mengalunkan irama gambus lagu-lagu popular seperti lagu Kopi Dangdut-lagu asal Venezuela, lagu Uskudura Gider Iken-lagu rakyat Turki dan Joget Pahang-lagu tradisional Melayu.

Irama muzik gambus turut sering dimainkan dengan irama lagu zapin, ghazal dan melayu asli seperti lagu Zapin Datuk Temenggong dan lagu Seri Mersing. Kebanyakan irama seni muzik Johor mempunyai gambus sebagai alat muzik utama.

Para penonton turut berpeluang mempelajari cara memainkan alat muzik gambus berbantuan para pelajar diploma Kolej Pengajian Konservatori Muzik, UiTM.

Di akhir persembahan, saudara Fairuz 'Afif bin Faizul menerima cenderamata PTAR sebagai pemain gambus terbaik pagi itu. Penyerahan cenderamata ini ialah sebagai tanda penghargaan program Happy Learning@PTAR dan telah disampaikan oleh Dr. Adlina Abdullah, selaku penyelaras program.



WEBINAR ADVANCED LITERATURE SEARCH USING SCOPUS (LSC 200)

15 APRIL 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

**BULETIN
IQRa**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA




Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama Unit Jurnal dan Penerbitan Universiti (JPU), Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Taklimat Pendaftaran & Verifikasi Bahan Penerbitan di Sistem PRIMe pada 14 April 2022 (Khamis), jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari secara atas talian melalui platform Cisco Webex.

Pada sesi kali ini, taklimat sepenuhnya disampaikan oleh Puan Siti Rohayu Mohamad Yusof Pustakawan Kanan (Penyelaras Koordinator PTAR-PRIMe), PTAR UiTM Shah Alam dengan dibantu oleh Encik Abdul Qayuum Abdul Razak, Penyelaras Data Penerbitan Universiti Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) UiTM Cawangan Melaka selaku moderator.

Objektif taklimat ini diadakan adalah :

- i. Memberi pengetahuan tentang proses kerja validasi penyelidikan yang terkini bagi memantapkan proses sedia ada
- ii. Membantu penyelidik dalam proses muatnaik bahan ke Sistem PRISMe
- iii. Meningkatkan pemahaman penyelidik tentang fungsi dan tugas utama Unit Sokongan Penyelidikan di PTAR UiTM
- iv. Menguruskan penerbitan universiti dengan lebih sistematik dan memberi impak kepada penghasilan penyelidikan yang lebih berkualiti

Taklimat yang telah dihadiri seramai 63 orang penyelidik UiTM Cawangan Melaka ini meletakkan harapan tinggi agar objektif yang disasarkan dapat dicapai, seterusnya memberikan impak kepada pengurusan penerbitan UiTM Cawangan Melaka khususnya.



PROGRAM MINDA LESTARI – LIVE@PTAR UiTMCM SIRI 2/2022: INTERAKSI SIMBIOSIS: MENJADI PARASIT ATAU MUTUALISTIK

1 APRIL 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



Untuk menonton
semula:



Program Live@PTAR Siri 2/2022: Segmen Bersama Pakar “Minda Lestari”: Interaksi Simbiosis: menjadi parasit atau mutualistik, Anjuran Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Cawangan Melaka Dengan Kerjasama PTAR UiTM Cawangan Melaka telah berlangsung pada 1 April 2022.

Objektif program ini dianjurkan adalah untuk membantu pembinaan karakter diri yang positif, apabila menghadapi situasi negatif. Bagaimana supaya tidak mudah melatah dan tidak cepat menghukum. Seterusnya, memberi pendedahan kepada peserta mengenai kemahiran berfikir dengan rasional, menilai sesuatu situasi dengan lebih objektif bagi mengelakkan konflik.

Program ini dikendalikan oleh Cik Maizatul Akmal Zulkafli Kaunselor Pelatih, Unit Kerjaya dan Kaunseling, UiTM Cawangan Melaka selaku Moderator bersama panel jemputan Encik Mohd Zulkhairi Ibrahim, Pegawai Psikologi Kanan, UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Seramai 427 orang telah menyertai program ini dan peserta terdiri daripada kakitangan UiTM dan peserta dari agensi luar.



TAKLIMAT PENGGUNAAN ENDNOTE:

"CITATION & REFERENCES"

6 APRIL 2022

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

**BULETIN
IQRa**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KAMPUS JASIN, MELAKA



Pada 6 April 2022 Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menganjurkan Taklimat Penggunaan EndNote: "Citation & References" anjuran bersama Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM). Program ini adalah bertujuan bagi menyampaikan konsep citation & reference kepada pelajar agar mereka faham dan boleh diaplikasi di dalam tugas/kerja kursus/projek yang perlu dilaksanakan.

Sesi taklimat ini telah dijalankan secara atas talian dengan menggunakan platform Cisco Webex yang telah disampaikan oleh Pensyarah FSKM, Encik Mohd Nabil Zulhemay. Taklimat ini telah dijalankan selama 2 jam dan telah dihadiri oleh 280 orang peserta.

Objektif Taklimat Penggunaan EndNote: " Citation & References" adalah seperti berikut:

1. Demonstrasri penggunaan perisian EndNote kepada pelajar supaya dapat mereka gunakan di dalam penulisan/kajian yang dilakukan.
2. Menggalakkan pelajar membuat kerja dengan kaedah yang betul dan berkesan serta meminima kesilapan dalam tugas.
3. Inisiatif sebagai penggalak kepada pelajar agar mengoptimal penggunaan perisian yang disediakan serta kosnya ditanggung oleh pihak UiTM.



PROGRAM LIVE@PTAR UiTMCM SIRI 3/2022: TAKLIMAT PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL PTAR

14 APRIL 2022

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA




Pada 14 April 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah mengendalikan Program Live@PTAR UiTMCM Siri 3/2022 – Taklimat Perkhidmatan Perpustakaan Digital PTAR. Program ini adalah program sinergi dengan pihak berpengalaman serta berpengetahuan, iaitu dari PTAR UiTM Shah Alam untuk berkongsi maklumat semasa dan terkini terutama dalam situasi endemik yang nyata masih belum reda. Selain memenuhi strategi pelan tindakan bersepadu 5 iaitu Pemerkasaan Literasi Maklumat BerkONSEP 3A (Anywhere, Anytime, Anyone), PTAR juga dapat mencapai komponen dekad membaca kebangsaan antaranya melalui teras pendidikan sepanjang hayat. Dengan sasaran meningkatkan pengetahuan dalam kalangan kakitangan, pelajar dan komuniti, program ini mampu memberi impak besar terhadap cabaran masa kini dalam keperluan harian.

Program Live@PTAR UiTMCM Siri 3/2022 – Taklimat Perkhidmatan Perpustakaan Digital PTAR ini telah disampaikan oleh Pustakawan Kanan PTAR UiTM Shah Alam, Haji Ahmad Faizar bin Jaafar sebagai penceramah dan Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Melaka, Encik Ahmad Nazri bin Jaafar sebagai moderator. Program telah dijalankan secara atas talian selama 2 jam dengan menggunakan platform Cisco Webex yang telah dihadiri oleh 445 orang peserta.

Antara objektif pengisian program ini adalah:

1. Memberi kefahaman mengenai produk dan perkhidmatan terkini PTAR.
2. Memberi pendedahan dan penerokaan tentang kemudahan aplikasi dan sistem PTAR.
3. Memberi tunjuk ajar secara terus tentang permasalahan yang berlaku.
4. Mewujudkan keterlibatan komuniti dan meningkatkan ketampakan (visibility) antara warga Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM dengan pihak luar.
5. Menjadi pusat kecemerlangan bagi program-program pembudayaan ilmu dan meningkatkan pendidikan sepanjang hayat.



PROGRAM READ@UiTM: PTAR KJM SCAVENGER HUNT 21 APRIL 2022

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

The banner for the 'PROGRAM READ@UiTM: PTAR KJM SCAVENGER HUNT' on 21 April 2022 features logos for Universiti Islam Negeri Sultan Abdul Razak (UiTM) and Perpustakaan Tun Abdul Razak. It includes sections for 'ACTIVITIES' (Video Competition, Quiz Kahoot, Godek & Cari, Puzzle Online), 'Hadiah Menarik menanti pemenang' (Prizes waiting for winners), and 'TERBUKA KEPADA WARGA UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN'. It also shows a QR code for registration. The right side has a 'SYARAT-SYARAT PENYERTAAN' section with rules and a QR code for the photo competition. Below the banner are several photographs showing participants at computer stations, a group photo, and people interacting in the library.

Pada 21 April 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah mengadakan Program Read@UiTM: PTAR KJM Scavenger Hunt. Program ini adalah program bagi menyokong aktiviti Jom Baca 10 Minit peringkat kebangsaan. Program ini bertujuan mendorong warga UiTM untuk membaca dimulai dengan LANGKAH AWAL iaitu selama 10 minit pada hari tersebut sebagai tanda komitmen terhadap kepentingan membaca. Program Jom Baca Bersama 10 minit ini juga diadakan setiap tahun sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Program telah dijalankan di PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin yang telah dihadiri oleh 63 orang peserta.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program adalah seperti berikut:

1. Pertandingan Video Telaah Buku
2. Pertandingan Kuiz Kahoot
3. Pertandingan Godek dan Cari
4. Program Jom Baca Bersama 10 Minit
5. Pertandingan Puzzle Online
6. Pertandingan Swafoto Membaca @PTARKJM

Antara objektif pengisian program ini adalah:



1. Mengerakkan silaturrahim antara mahasiswa dan staf UiTM dalam memastikan kerjasama dan toleransi berterusan.
2. Memberi pendedahan dan penerokaan tentang kemudahan aplikasi dan sistem PTAR.
3. Memberi tunjuk ajar secara terus tentang permasalahan yang berlaku.
4. Mewujudkan keterlibatan komuniti dan meningkatkan ketampakan (visibility) antara warga Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM dengan pihak luar.
5. Menjadi pusat kecemerlangan bagi program-program pembudayaan ilmu dan meningkatkan pendidikan sepanjang hayat.

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT: KONGSI REZEKI BUBUR LAMBUK & PEK RAMADHAN PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA

22 APRIL 2022

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA




Pada 22 April 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah mengadakan Program Khidmat Masyarakat: Kongsi Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadhan PTAR UiTM Cawangan Melaka. Program ini adalah merupakan program khidmat masyarakat PTAR UiTM Cawangan Melaka yang mana tujuannya adalah untuk berkongsi rezeki kepada warga Kampus Jasin. Disamping itu, program ini juga memberi peluang kepada individu yang ingin memberi sumbangan ikhlas dalam mengimarahkan program di samping menderma.

Program Khidmat Masyarakat PTAR UiTM Cawangan Melaka dengan mengadakan agihan bubur lambuk kepada semua warga UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin termasuk pelajar-pelajar yang menginap di kolej penginapan pelajar, juga kepada semua kakitangan pembersihan bangunan dan kawasan Kampus Jasin. Sebanyak 864 pak bubur lambuk yang dapat diagihkan kepada warga UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Agihan bubur lambuk ini turut disertai oleh Penolong Rektor Kampus Jasin, Dr. Siti Normah binti Awang Tuah. Dalam agihan ini juga, Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Noor Hayati binti Abu Kassim telah menyampaikan bakul agihan Pek Ramadan kepada 3 orang kakitangan pembersihan perpustakaan dan 3 orang pelajar asnaf yang terpilih.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program adalah seperti berikut:

1. Berkongsi rezeki kepada yang memerlukan.
2. Menjalin ukhuwah bersama warga Kampus.
3. Menjalankan kerja-kerja amal khidmat masyarakat melalui sumbangan masa, tenaga dan kepakaran secara sukarela di bulan yang mulia.
4. Mewujudkan keterlibatan komuniti dan meningkatkan ketampakan (visibility) antara warga Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM dengan pihak luar.



**SESI eLIBRARY OUTREACH BERSAMA WARGA
UiTM CAWANGAN TERENGGANU
14 APRIL 2022**

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU**



Sempena Program Library2u Read-Reflect-Review (Mac – April 2022), Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun telah mengadakan Sesi eLibrary Outreach bersama warga UiTMCT pada 14 April 2022, Khamis, melalui platform Webex Meeting. Program yang berlangsung selama dua jam bermula dari jam 10.00 pagi ini telah dihadiri oleh seramai 124 orang peserta yang terdiri daripada warga UiTM seluruh cawangan yang sama-sama berminat untuk menyertai sesi taklimat ini.

Library outreach merupakan program tahunan Perpustakaan UiTM yang dilaksanakan bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan, khususnya bagi pengguna dalam kampus yang jarang mengunjungi perpustakaan, mahupun pengguna luar kampus yang berminat.

Selain menjelaskan fungsi perpustakaan bukan hanya kepada untuk warga akademik sahaja, program ini telah memberi penerangan berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan mengikut fungsi yang berkait rapat dengan seluruh warga kampus mengikut kepakaran profesional Pustakawan Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT masing-masing.

**READ@UiTM: TAKZIRAH RAMADHAN:
RAMADHAN...KUSAMPUT KEHADIRANMU
7 APRIL 2022**

Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS KUALA TERENGGANU, TERENGGANU



Untuk menonton
semula:



Pada 7 April 2022 (Khamis), Perpustakaan Cendekian UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah menganjurkan program Takzirah Ramadhan yang bertajuk Ramadhan...Kusambut Kehadiranmu. Program ini disampaikan oleh Ustazah Rubiah Binti Abu Bakar, Pensyarah UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Program Takzirah Ramadhan ini dijalankan secara bersemuka di Surau Destini Ar-Raudhah UiTMCT Kampus Kuala Terengganu dan atas talian melalui platform Youtube Live Stream Perpustakaan Cendekian UiTMCTKKT.

Objektif program perkongsian ilmu rohani ini adalah untuk meningkatkan ibadah dan aura untuk menyambut bulan mulia iaitu bulan Ramadhan. Ia juga dapat mengeratkan ukhwah dan jaringan yang terjalin antara warga UiTM agar sentiasa berterusan dalam melaksanakan pelbagai program yang berimpak tinggi pada masa hadapan.

Program Takzirah Ramadhan yang berlangsung selama sejam mendapat maklumbalas yang baik dari peserta terutamanya warga UiTM yang menyertai sehingga selesai program. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada semua warga UiTM.

Program ini juga dapat menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti. Penonton boleh menonton semula rakaman program tersebut menerusi saluran YouTube PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCTKKT.





Pada 24 April 2022 (Ahad), pihak Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam telah menganjurkan program siaran langsung Takzirah Ramadhan yang bertajuk *Anda Tanya Ustaz Jawab : Keutamaan 10 Malam Terakhir Ramadhan* bersempena Program World Quran Hour 2022. Sempena menyokong dan menyemarakkan program World Quran Hour 2022, bacaan Surah As-Sajadah dilaksanakan sebelum takzirah bermula.

Program ini dikendalikan oleh Ustaz Mohd Shahnizam Azmi, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan UiTMCTKK. Penceramah jemputan bagi program ini ialah Ustaz Abdul Halim Awang merupakan Pensyarah Kanan UniSZA/Mantan Timbalan Mufti Negeri Terengganu. Program ini dijalankan secara bersemuka di Ruang bacaan, Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKK dan secara langsung di platform Youtube Live Stream Perpustakaan Cendekiawan UiTMCTKK.

Objektif program ini ialah untuk memberi pendedahan dan perkongsian mengenai keutamaan 10 malam terakhir Ramadhan yang dinantikan oleh semua umat Islam. Ia juga memberi semangat untuk terus beribadah sehingga Ramadhan berakhir tanpa rasa kekesalan dalam diri. Perkongsian diteruskan dengan pelbagai soalan yang menarik antaranya perkara yang tidak boleh dilakukan sepanjang berpuasa dan amalan-amalan yang perlu ditingkatkan sepanjang bulan Ramadhan.

Program Takzirah Ramadhan yang berlangsung selama 2 jam mendapat maklumbalas yang baik dari peserta terutamanya warga UiTM yang menyertai sehingga selesai program. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat dan dapat mengeratkan ukhwah dan jaringan yang terjalin antara warga UiTM agar sentiasa berterusan dalam melaksanakan pelbagai program yang berimpak tinggi pada masa hadapan.



Untuk menonton semula:



SIRI WEBINAR PTA 4/2022: ADVANCED LITERATURE SEARCH IN WEB OF SCIENCE FOR POSTGRADUATE STUDENTS (LSC201)


14 APRIL 2022

Disediakan oleh: Sazlina binti Saleh

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
KAMPUS MACHANG, KELANTAN

Pada 14 April 2022, Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Cawangan Kelantan telah mengadakan Siri Webinar PTA 4/2022: "Advanced Literature Search in Web of Science for Postgraduate Students (LSC201). Webinar ini telah berlangsung selama 2 jam bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan dijalankan secara atas talian menggunakan medium Cisco Webex. Webinar ini terbuka kepada semua warga UiTM (staf/pelajar/penyelidik).



Modul:

1. Apa yang baharu dengan Web of Science?
2. Cari dan analisis kawasan topikal dalam Web of Science.
3. Cara mencari tajuk berimpak tinggi dalam Web of Science.
4. Cara membuat laporan petikan.
5. Cara mengenal pasti rakan usaha sama yang berpotensi menggunakan Web of Science.
6. Cara mendaftar Profil Penyelidikan-Publon (untuk didaftarkan dalam Sistem PRIME).

Webinar ini telah disampaikan oleh Dr. Muslim Ismail@Ahmad, Pustakawan Kanan PTA UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang dengan kehadiran seramai 30 orang daripada pelbagai organisasi. Pihak Perpustakaan Tengku Anis mengucapkan terima kasih di atas penyertaan daripada semua peserta dan diharapkan maklumat yang disampaikan dapat membantu peserta dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

The screenshot shows the Web of Science Core Collection interface. At the top, there are search fields for 'DOCUMENTS' and 'RESEARCHERS'. Below the search bar, it says 'Discover multidisciplinary content from the world's most trusted global citation database.' A sidebar on the left shows search filters for 'All databases', 'Web of Science Core Collection', 'ISI Journal Citation Reports', 'Scopus', and 'Scopus Science Citation Index'. The main search results area displays a list of publications with columns for 'Title', 'Author', 'Journal', 'Year', and 'Cited by'. To the right, there is a 'Module Coverage' section with a list of topics including 'Basic Search', 'Organizations Enhanced', 'Author Search', 'Analyze Results', 'Create Citation Report', 'Advanced Search - WOS', 'Journal Citation Reports (JCR)', 'Identify Collaborators', 'Researchers Visibility', and 'Master Journal List (MJL)'. There is also a 'WOS Quick Guide' link.

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT:


"BLIND DATE WITH A BOOK"

21 APRIL 2022

Disediakan oleh: Sazlina binti Saleh

**BULETIN
IQRA**


**PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
KAMPUS MACHANG, KELANTAN**



Sempena Program Jom Baca Bersama 10 Minit "Bangkit Baca & Bersyukur", pihak Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan telah mengadakan satu Program Jom Baca Bersama: "Blind Date with a Book" pada 21 April 2022, jam 10.45 pagi hingga 11.30 pagi yang bertempat di Aras 1 Perpustakaan Tengku Anis. Program ini merupakan program anjuran bersama Perpustakaan Tengku Anis dengan Fakulti Pengurusan Maklumat dan juga Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK).

Program ini melibatkan staf dan juga pelajar daripada Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Kelantan. Para peserta dikehendaki memilih bahan bacaan yang telah dibalut tanpa mengetahui tajuk dan kulit buku. Bahan bacaan yang dibalut ini hanya memaparkan kata kunci sahaja dan ini merupakan pertemuan pertama mereka. Para peserta akan membaca bahan bacaan yang dipilih selama 10 minit dan kemudiannya membuat ulasan mengenai bahan bacaan tersebut.

Program ini telah berjalan dengan jayanya dan semoga kerjasama ini dapat diteruskan pada masa akan datang. Pihak Perpustakaan Tengku Anis akan sentiasa menyokong dan berharap ada lagi program seumpama ini dilaksanakan dan kolaborasi ini juga dibawah SDG 17: "Partnership for the Goals" serta SDG 4: "Quality for Education".



LIVE@PAB: CITIZEN SCIENCE MONTH

5 APRIL 2022

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
KAMPUS JENGKA, PAHANG

Disediakan oleh: Roshairi Che Razali



Sempena sambutan Bulan Citizen Science yang dianjurkan oleh National Citizen and Community Science Library Network pada bulan April ini, Perpustakaan Al-Bukhari Uitm Pahang telah mengadakan program siaran langsung bertajuk Live@PAB: Citizen Science Month pada 5 April 2022 (Selasa).

Program siaran langsung ini telah mendapat tontonan sebanyak 503 tontonan melalui kedua-dua platform, iaitu Facebook dan YouTube. Program Live@PAB ini telah dikendalikan oleh Cik Muniratul Husna binti Mohamad Zaki, Pustakawan UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka bersama dua (2) orang panel jemputan yang cukup hebat dan berpengalaman luas dalam bidang Citizen Science. Panel jemputan yang pertama adalah daripada Universiti Malaya iaitu Associate Prof. Dr. Zeeda Fatimah binti Mohamad, Pengarah Pusat Pembangunan Kelestarian Universiti Malaya dan panel jemputan yang kedua adalah daripada Syarikat Apadilangit iaitu Encik Muhammad Hafez bin Ahmat Murtza, Pengasas serta CEO Apadilangit.

Program yang seiring dengan Sustainable Development Goal (SDG) 4: Quality Education dan SDG 17: Partnerships for the Goals ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada penonton khususnya rakyat Malaysia berkaitan kepentingan serta penglibatan masyarakat dalam bidang Citizen Science. Semoga perkongsian dalam sesi siaran langsung ini dapat menarik minat penonton untuk menceburkan diri dalam menyertai projek-projek Citizen Science.



**STREAMING
LIVE**

Untuk menonton
semula:




**PAMERAN SEMPENA BULAN RAMADHAN:
PUASA RAMADHAN DAN TARAWIH
5 APRIL 2022**

Disediakan oleh: Noor Azliza Binti Aziz

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
KAMPUS JENGKA, PAHANG**



Sempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan 1443H, pihak Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Pahang telah menyediakan sebuah pameran fizikal bertajuk "Puasa Ramadhan dan Tarawih" yang dirujuk daripada laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Selangor. Selain itu, pihak perpustakaan juga menyajikan kepada pengguna, koleksi buku-buku berkaitan Ramadhan mulai 5 April sehingga 29 April 2022.

Objektif utama pameran ini diadakan bertujuan untuk menyemarakkan lagi sambutan bulan Ramadhan dan seterusnya memberi input kepada pengguna seiring dengan Sustainable Development Goal (SDG) 4: Quality Education. Pameran fizikal ini boleh dilihat dan didapati di ruang legar Perpustakaan Al-Bukhari Uitm Pahang.

Semoga perkongsian ilmu ini dapat memupuk minat membaca dikalangan pengguna yang hadir ke Perpustakaan Al-Bukhari dan seterusnya menambah ilmu pengguna berkaitan "Puasa Ramadhan dan Tarawih".



PROGRAM VITAMIN JIWA@PAB: RAMADHAN KONGSI REZEKI BERSAMA PAB

14 APRIL 2022

Disediakan oleh: Noor Azliza Binti Aziz

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
KAMPUS JENGKA, PAHANG



Sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak yang mulia ini, pihak Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Pahang telah mengadakan satu program yang bertajuk Ramadhan Kongsi Rezeki bersama PAB.

Objektif utama program ini diadakan bertujuan untuk berkongsi rezeki juadah berbuka puasa kepada mahasiswa dan mahasiswi yang hadir ke Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang Kampung Jengka. Program Ramadhan kongsi rezeki bersama PAB ini telah disampaikan oleh Puan Hajah Rosnita binti Haji Ja'afar, Timbalan Ketua Pustakawan, diiringi Encik Alias bin Manap, Pembantu Pustakawan Tertinggi dan staf Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang yang bertempat di Perpustakaan Al-Bukhari.

Diharapkan program ini dapat memupuk semangat kerjasama serta sikap suka membantu dan suka berkongsi dikalangan semua staf UiTM Cawangan Pahang khususnya staf perpustakaan serta mahasiswa dan mahasiswi yang turut hadir memeriahkan program ini. Selain itu, staf perpustakaan juga turut terlibat memberikan sumbangan bagi Program Infaq Iftar (Berbuka Puasa) anjuran Masjid Uwais Al Qarni, UiTM Cawangan Pahang.

Semoga kita peroleh keberkatan dan kebaikan di bulan yang mulia ini serta digandakan pahala dan rezeki berganda serta berpanjangan dari Allah SWT.



BICARA RAMADAN: MENCARI MAGHFIRAH & RAHMAT ALLAH

15 APRIL 2022

Disediakan oleh: Muhammad Shafiq Amirullah

**BULETIN
IQRa**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS REMBAU, NEGERI SEMBILAN



Bersempena dengan bulan Ramadan 1443H kali ini, pada 15 April 2022 (Jumaat), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah menganjurkan program Bicara Ramadan: Mencari Maghfirah & Rahmat Allah yang disampaikan oleh panel jemputan, Ustaz Muhamad Adli Ibrahim, Pegawai Eksekutif (Imam) Unit Hal Ehwal Islam UiTM Kampus Rembau.

Ceramah agama yang berlangsung selama satu jam itu telah diadakan di Ruang Santai Aras 1, PTAR dan disertai oleh warga kakitangan UiTM serta para mahasiswa dan mahasiswi UiTM Kampus Rembau yang berkelapangan untuk turut serta.

Program ceramah tersebut diikuti dengan sesi soal jawab bersama penonton di mana Ustaz Muhamad Adli membantu menjawab kemosyikilan dan persoalan dari para penonton secara langsung.

Selain dapat mengisi bulan Ramadan yang penuh rahmat ini dengan program berilmiah, pelaksanaan program ini sedikit sebanyak memberi galakkan kepada pengguna untuk berkunjung ke perpustakaan.



**PAMERAN MAYA: 'GEMALAI TARI JOHOR' MENGIMBAS
KEMBALI KEUNIKAN TARIAN BUDAYA ASLI DARI JOHOR
SESPANJANG APRIL 2022**

Disediakan oleh: Nurrul Iza Ibrahim

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL
PASIR GUDANG, JOHOR



Slot koleksi pameran maya Perpustakaan Tun Dr. Ismail dimeriahkan kembali dengan membawa tajuk Gemalai Tari Johor. Pameran ini bertujuan untuk berkongsi maklumat menarik berkaitan tarian tradisional Johor yang semakin dipinggirkan oleh sesetengah masyarakat.

Kupasan setiap jenis tarian yang dibawakan ke dalam pameran ini oleh Cik Sofia Amira Binti Jamal, pelajar Latihan Industri di PTDI Kampus Pasir Gudang, yang turut diisi dengan keindahan tarian dari aspek peralatan muzik yang digunakan serta pakaiannya.

Diharapkan pameran maya ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kepada tarian warisan dari selatan tanahair. Dan, semoga kupasan yang dibawa akan mengangkat kembali tarian-tarian ini untuk menjadi tarikan khalayak ramai agar tidak pupus ditelan arus kemodenan.

Pameran maya Gemalai Tari Johor boleh diikuti di pautan :
<https://johor.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions/442-ihya-ramadan>


A screenshot of a website page titled 'Gemalai Tari Johor'. The main heading 'TARIAN Johor' is displayed in large, bold, red letters. Below it, there are eight numbered thumbnail images showing various traditional Johorean dances: 1. ZAPIN JOHOR, 2. KUDA KEPANG, 3. CERACAP INAI, 4. TARJAN SARAH, 5. JOGET JOHOR, 6. BARONGAN, 7. MASRI KERCING, and 8. another image. The background has a gold and white floral pattern. The top navigation bar includes links for HOME, ABOUT, CONTACT US, DOWNLOAD, OPEN EDUCATIONAL RESOURCES, COLLECTIONS, and RESEARCH. The footer includes the UiTM logo and the word 'genially'.

PAMERAN MAYA: FIQH PUASA
SE PANJANG APRIL 2022

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL
PASIR GUDANG, JOHOR**

Disediakan oleh: Nor Azelea Mohd Azahar



Bersempena dengan Ramadhan bagi tahun 1443H, beberapa aktiviti telah dirangka untuk menghidupkan lagi sinar Ramadhan Al-Mubarak pada tahun ini di UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Oleh yang demikian, Unit Hal Ehwal Islam dengan kerjasama Perpustakaan Tun Dr. Ismail akan mengadakan pameran maya yang bertajuk Fiqh Puasa.

Pameran maya Fiqh Puasa ini dijalankan untuk berkongsi pelbagai maklumat serta meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan penghayatan mengenai erti puasa sepanjang bulan Ramadan

Pameran ini disusun dan direka letak oleh pelajar latihan industri dari Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia dan dibantu oleh Puan Nurrul Iza Ibrahim, Pembantu Pustakawan selaku editor.

*Sila klik pautan ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pameran Fiqh Puasa:
<https://bit.ly/PameranMayaIhyaRamadan>*

Semoga maklumat yang disampaikan dalam pameran ini bermanfaat kepada semua yang membacanya.

The poster features a green background with a yellow banner at the bottom. At the top left is a decorative ink bottle and quill. The title "PERTANDINGAN Best Ramadhan *Quote*" is in large white and pink letters. Below it, "Sempena Ihyā' Ramadhan 1443H / 2022" is written. To the right is the logo of Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. A circular photo of a child writing is on the right. The yellow banner contains text about the competition's purpose, participants (staff, students, and children), contact details (phone numbers and WhatsApp), and the organizing unit (Unit Hal Ehwal Islam & Perpustakaan Tun Dr. Ismail).

PERTANDINGAN Best Ramadhan *Quote*

Sempena Ihyā' Ramadhan
1443H / 2022

TARIKH PENYERTAAN
7 April - 21 April 2022

HADIAH MENANTI ANDA!

Ramadhan Quote boleh diambil di Aras 2 Bangunan Pentadbiran / Perpustakaan Tun Dr. Ismail

Terbuka Kepada Staf / pensyarah & Anak - Anak Staf / pensyarah

Sebarang Pertanyaan
Pejabat HEI: 07-3818038 / 8050 / 8051
PTDI: 07-3818624
Aina: 011-28796008

Anjuran
Unit Hal Ehwal Islam & Perpustakaan Tun Dr. Ismail

Bersempena dengan Ramadhan bagi tahun 1443H, beberapa aktiviti telah dirangka untuk menghidupkan lagi sinar Ramadhan Al-Mubarak pada tahun ini di UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Oleh yang demikian, Unit hal Ehwal Islam dengan kerjasama Perpustakaan Tun Dr. Ismail akan mengadakan Pertandingan Best Ramadhan QUOTE

Pertandingan ini terbuka kepada staf UiTM Kampus Pasir Gudang dan anak-anak staf tersebut. Borang pertandingan ini boleh didapati di kaunter utama Perpustakaan Tun Dr. Ismail dan kaunter Hal Ehwal Pelajar di aras 2, bangunan Pentadbiran.

Pertandingan ini bermula pada 7 April sehingga 21 April 2022. Setiap pemenang akan membawa pulang hadiah yang menarik.





Berdasarkan 6 fokus PTAR 2021, iaitu menyemarakkan semangat #PTARPrihatin, PTDI turut menyokong usaha tersebut dengan menganjurkan Program #PTDIPrihatin. Sempena Ramadahan tahun 2022, pengagihan sumbangan barang keperluan makanan berserta sumbangan duit raya telah diberikan kepada 20 orang Pelajar Sekolah Kebangsaan Kampong Tenang, Labis, Johor. Program ini melibatkan kutipan sumbangan daripada staf PTDI Kampus Segamat, PTDI Kampus Pasir Gudang dan pihak luar.

Berikut adalah objektif program :

1. Menyokong salah satu fokus PTAR bagi tahun 2021 iaitu #PTARPrihatin seterusnya diperingkat PTDI UiTM Cawangan Johor, fokus ini diselaraskan kepada #PTDIPrihatin.
2. Menyokong PI PUiTM ke 10 iaitu Program Khidmat Masyarakat PUiTM
3. Menunjukkan keprihatinan kepada golongan yang kurang bernasib baik seperti pelajar yang yang kurang berkemampuan, miskin tegar, dan berpendapatan rendah.
- 4 Melatih diri staf untuk bersedekah dan berkongsi rezeki di bulan Ramadhan.
5. Mengaplikasikan amalan hidup yang baik dalam kehidupan seharian.
6. Memupuk rasa persaudaraan dan kerjasama dalam kalangan staf Perpustakaan Tun Dr Ismail di Kampus Segamat dan Pasir Gudang.



Program ini telah berjaya dilaksanakan pada 13 April 2021 (Rabu). Sumbangan telah disampaikan oleh Puan Mawar Noor binti Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan dan diiringi oleh Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kampong Tenang, Cikgu Zainab binti Ahmad.

Pihak jawatankuasa program merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak diatas sumbangan kewangan dan tenaga dalam menjayakan program ini. Pihak jawatankuasa bersyukur kerana program ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna dengan izin Allah SWT untuk mencapai segala objektif yang telah digariskan. Semoga usaha murni ini akan mendapat limpahan rahmat dan barakah daripada Allah dan seterusnya merapatkan hubungan diantara staf di PTDI Segamat dan Pasir Gudang.

**LIVE@PTDI: PROGRAM BERSAMA PENULIS BUKU –
MUHAMMAD BUKAN PENDUSTA: MEMBONGKAR FITNAH
DAN PEMBOHONGAN ATAS NAMA NABI MUHAMMAD S.A.W**

14 APRIL 2022

Disediakan oleh: Roslan bin Mohd Nor

**BULETIN
IQA**

**PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL
KAMPUS SEGAMAT, JOHOR**



Suatu tamadun atau bangsa hanya dapat dibina melalui masyarakat yang mengamalkan budaya ilmu. Salah satu cara untuk membina budaya ilmu dalam sesebuah masyarakat ialah melalui amalan membaca yang berterusan.

Pada 14 April 2022 yang lalu, jam 2.00 hingga 3.00 petang, PTDI telah melaksanakan program Bicara Bersama Penulis: Muhammad Bukan Pendusta: Membongkar Fitnah dan Pembohongan Atas Nabi Muhammad SAW. dengan menjemput seorang penulis dari kalangan pensyarah UiTM Johor yang aktif dalam penulisan buku iaitu Puan Rudza Hanim Bt. Mohamed Anuar, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan manakala moderator ialah Cik Fatin Nuraliah Hamiz, Pelajar Latihan Industri.

Antara objektif program adalah:

1. Membudayakan program ilmiah berteraskan pembudayaan galakan membaca.
2. Menjadikan program Read@UiTM sebagai satu norma baru dalam melaksanakan program berbentuk ilmiah.
3. Meningkatkan ketampakan Perpustakaan Tun Dr. Ismail dari usaha-usaha pembudayaan ilmu.
4. Menjadi pusat kecemerlangan bagi program-program pembudayaan ilmu.

Dalam Program Bicara Bersama Penulis ini, Puan Rudza Hanim telah membedah buku hasil nukilan beliau iaitu Muhammad Bukan Pendusta: membongkar Fitnah dan Pembohongan Atas Nabi Muhammad SAW. yang dihasilkan bersama suami beliau sendiri. Buku ini membawa penonton untuk merenung dan bermuhasabah mengenai fitnah-fitnah dan pembohongan yang telah dilemparkan terhadap Nabi Muhammad SAW.

Program ini berakhir dengan sesi penyampai cenderahati dari Puan Rudza Hanim iaitu buku yang ditan- datangi sendiri oleh beliau. Semoga segala ilmu yang dikongsikan dapat menambahkan lagi pengetahuan dan memberi manfaat kepada semua yang menonton.

KUNJUNGAN HORMAT SIRI II: BERSAMA JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ (JKP)

14 APRIL 2022

Disediakan oleh: Siti Rozana Mat Sanat

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL
KAMPUS SEGAMAT, JOHOR

PROGRAM KUNJUNGAN TERHORMAT #SIRI 2

BERSAMA JAWATANKUASA
PERWAKILAN KOLEJ A, B DAN C
UITM KAMPUS SEGAMAT,
CAWANGAN JOHOR.

Tarikh : 14 April 2022 (Khamis)

Masa : 2.00 petang

Lokasi : Bilik Gerakan Kolej Nilam,

UiTM Kampus Segamat

Menyelaraskan Potensi

Membentuk Masa Hadapan

BERBAGAI

BERBAGAI

STAY CONNECTED

f o t v



Pada 14 April 2022, satu sesi Kunjungan Hormat Bersama JPK UiTM Cawangan Johor telah diadakan dengan tujuan mempergiatkan promosi serta hebahan tentang kemudahan dan perkhidmatan terkini Perpustakaan. Sesi ini melibatkan seramai 39 orang JPK yang diadakan secara bersemuka di Bilik Seminar Kolej Nilam.

Program ini dimulakan dengan ucapan aluan daripada Dr. Basaruddin Shah bin Basri, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Johor. Program diteruskan dengan penyampaian surat pelantikan Friends@PTDI kepada Biro Akademik, JPK A, B dan C.

Taklimat Perkhidmatan Perpustakaan telah disampaikan oleh Puan Siti Rozana binti Mat Sanat dan Encik Ahmad Akmal bin Mohd Idris. Selain mendengar taklimat, pelajar turut melakukan aktiviti secara hands on bagi berkunjung secara maya ke portal Perpustakaan, memuat turun artikel jurnal, dan menggunakan My Knowledge portal.

Diharap dengan sesi ini memberi pengetahuan berkaitan inisiatif Perpustakaan Digital yang ditawarkan oleh Perpustakaan kepada pelajar di samping dapat membantu mereka memahami fungsi dan peranan setiap inisiatif dalam menyokong pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada MPP UiTM Cawangan Johor dan semoga jalinan kerjasama ini berpanjangan.



JOM BACA BERSAMA 10 MINIT@PTDI

21 APRIL 2022

**BULETIN
IQR**

PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL
KAMPUS SEGAMAY, JOHOR

Disediakan oleh: Siti Rozana Mat Sanat

"BANGKIT BACA & BERSYUKUR "

#malaysiamembaca JOM baca bersama #ptdimembaca

21 April 2022 | 11.00 - 11.10 Pagi | Ruang Bacaan, PTDI 2

PERTANDINGAN JOM MEMBACA BERSAMA 10 MINIT @ PTDI

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Pertandingan terbuka kepada semua Pelajar dan Staf UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat sahaja.
- Pelajar/Staf perlu hadir ke PTDI 2 dan menggunakan bahagian buceau yang disediakan.
- Gambar dan cap怜on yang dilakukan bagi tujuan pertandingan ini mestilah asli dan merupakan hasil kerja sendiri.
- Gambar yang dimuatnaik hendaklah diterangkan 1 gambar sahaja diambil di persekitaran PTDI 2. Tidak boleh mengandungi sebarang elemen atau unsur-unsur negatif dan menyatahi undang-undang.
- E-sijil penyertaan akan disediakan
- Borang penyertaan : <https://qr.library.uitm.edu.my/zv2f>

21 April 2022 (KHAMIS)
9.00 hingga 11.00 pagi
Lokasi di PTDI 2

HADIAH MENARIK & E-SIJIL
DISEDIAKAN

Pada 21 April 2022, telah berlangsungnya satu program Jom Baca Bersama 10 Minit @ PTDI di Perpustakaan Tun Dr. Ismail 2. Program ini telah diadakan secara serentak diseluruh negara dari jam 11.00 hingga 11.10 pagi dengan bertemakan "Bangkit Baca dan Bersyukur". Acara perasmian telah diadakan secara tayangan lantas langsung dari Facebook Perpustakaan Negara Malaysia. Turut serta semasa program berlangsung adalah staf Perpustakaan Tun Dr. Ismail, Pensyarah Kanan Encik Nor Ezan bin Omar dan juga para pelajar semester satu daripada Fakulti Pengurusan Maklumat seramai 33 orang.

Bagi memeriahkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit @ PTDI, satu pertandingan turut diadakan, dimana para pelajar diminta membuat sedikit ulasan bahan yang telah dibaca dan memuat naik gambar kreatif yang diambil di persekitaran PTDI 2. 3 pemenang akan dipilih dan setiap penyertaan akan diberikan e-sijil.

Pihak PTDI merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga UiTM Cawangan Johor yang turut serta dalam Program Jom Baca Bersama 10 Minit @ PTDI. Diharapkan program dan amalan murni 'Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit' dapat diteruskan dan menjadi penanda aras masyarakat proaktif dan berilmu.





Pada 1 April 2022, telah berlangsung Program Kunjungan Hormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JKP) sesi 2021/2022 UiTMCPP ke Perpustakaan Tun Abdul Razak bertempat di aras 1 PTAR UiTMCPP. Seramai 10 orang ahli jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar dan 19 orang Jawatankuasa Perwakilan Kolej telah hadir pada petang itu.

Majlis dimulai dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Hayati Mokhtaram. Di dalam ucapan tersebut, beliau berharap kunjungan hormat ini akan mewujudkan hubungan kerjasama di antara kedua-dua belah pihak untuk memastikan segala berita dan hebahan mengenai aktiviti, kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan dapat disampaikan kepada para pelajar. Selain itu, beliau berharap ahli jawatankuasa MPP dan JKP mengenali pegawai-pegawai di PTAR UiTMCPP supaya hubungan kerjasama berjalan lancar. Sesi kunjungan diteruskan dengan taklimat ringkas mengenai kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan serta taklimat perpustakaan digital yang disampaikan oleh Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi dan Encik Nurulizwan Amir.

Program yang berlangsung selama 2 jam ini diharap dapat mengeratkan lagi hubungan MPP dan JPK dengan pihak perpustakaan serta dapat mencapai objektif yang telah digariskan seterusnya memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.



**PROGRAM LIBRARY OUTREACH PTAR BERSAMA
JABATAN SAINS KOMPUTER & MATEMATIK (JSKM) UiTMCPP**
1 APRIL 2022

Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam

**BULETIN
IQA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PULAU PINANG**




Pada 1 April 2022, telah berlangsung Program Library Outreach PTAR bersama Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM) UiTMCPP secara atas talian melalui platform Google Meet. Sesi yang diadakan bermula jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari ini telah disertai oleh para pensyarah JSKM.

Pertemuan maya ini diadakan bertujuan untuk menjalankan hubungan baik dan kerjasama di antara PTAR dan juga jabatan. Selain itu, ianya juga adalah untuk mempromosikan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan selain mendapatkan maklumbalas daripada peserta untuk penambahbaikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan.

Sesi dimulakan dengan taklimat pengenalan mengenai PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang serta kemudahan dan perkhidmatan pelanggan yang disampaikan oleh Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi. Kemudian, ia diikuti pula dengan perkongsian oleh Puan Farleen Azrina Zamberi mengenai proses cadangan pembelian bahan, dasar penyerahan harta intelek UiTM serta perkhidmatan arkib dan penyerahan rekod penting universiti.

Seterusnya, taklimat terakhir telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir mengenai perkhidmatan Unit Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan serta perkhidmatan perpustakaan digital. Sepanjang program berlangsung, para pegawai telah menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh para pensyarah berkenaan kemudahan dan perkhidmatan di PTAR seperti kemudahan pinjaman antara perpustakaan, prosedur pembelian ebook dan penggunaan Sistem PRIME.

Diharap program ini dapat mencapai objektif yang telah digariskan serta memberi manfaat kepada warga JSKM dalam membantu proses pengajaran dan penyelidikan masing-masing.



LAWATAN PRE-MOCK AUDIT AKREDITASI PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

13 APRIL 2022

Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PULAU PINANG



Pada 13 April 2022, PTAR UiTMCPP telah menerima kunjungan daripada Brig Jen Prof. Ir. Dr. Norazman Bin Mohamad Nor daripada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) selaku panel lawatan pre-mock audit akreditasi bagi kursus "Bachelor of Engineering (Hons) Civil (Infrastructure) – EC221, Pengajian Kejuruteraan Awam.

Sepanjang lawatan tersebut, taklimat ringkas tentang perkhidmatan dan kemudahan PTAR telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan PTAR UiTMCPP. Beliau juga telah dibawa melawat kemudahan yang terdapat di perpustakaan antaranya Pusat IT, ruangan bacaan, bilik-bilik diskusi serta koleksi bahan bacaan yang terdiri daripada buku-buku rujukan, buku teks dan bahan bacaan umum.

Semoga taklimat dan lawatan berpandu yang telah disampaikan kepada beliau dapat memenuhi objektif lawatan yang telah dijadualkan.



PROGRAM READ@UiTM PENANG 2022: JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT 21 APRIL 2022

Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam

**BULETIN
IQR**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PULAU PINANG



Bersempena dengan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengambil inisiatif mengadakan Program Read@UiTM Penang 2022 yang berlangsung pada 21 April 2022.

Aktiviti utama yang dijalankan adalah Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit yang bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi secara serentak di seluruh Malaysia. Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit ini merupakan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia yang bertujuan mendorong rakyat Malaysia membaca dimulai dengan langkah awal selama 10 minit sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan dan meneruskan amalan membaca selama 10 minit setiap hari.

Selain daripada Jom Baca Bersama untuk 10 Minit, pihak PTAR turut mengadakan aktiviti perkongsian buku melalui segmen "My Favourite Read", pameran buku bertemakan "Fiction Addiction" dan kuiz Kahoot. Semua warga kampus juga dijemput untuk menghantar gambar membaca mereka walau di mana jua mereka berada melalui Google Form yang disediakan sebagai tanda sokongan serta komitmen masing-masing terhadap program yang telah dijalankan ini.

Keseluruhannya, program ini telah disertai oleh 40 orang staf dan pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang secara bersemuka dan diharapkan ianya dapat menjadi pemangkin untuk semua warga kampus dalam memupuk minat membaca.



Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam



Sinergi antara Jabatan Sains Gunaan (JSG) dan PTAR UiTMCPP telah meraikan seramai 35 orang pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT) serta Kolej Pengajian Kejuruteraan semester 1 daripada golongan B40 melalui Program Kongsi Rezeki 1.0 pada 22 April 2022 yang lepas. Melalui program ini, sumbangan hamper Hari Raya berserta set hidangan KFC telah diserahkan kepada pelajar oleh Dr. Mohd. Muzafer Jumidali, Koordinator JSG.

Majlis telah dimulakan pada jam 3.30 petang dengan taklimat ringkas mengenai PTAR oleh Encik Mohd Shafarin Saad, Pembantu Pustakawan Unit Perkhidmatan Pelanggan. Kemudian ia disusuli dengan pertandingan kuiz Kahoot kepada para pelajar serta penyampaian hadiah kepada para pemenang. Seterusnya ucapan aluan telah disampaikan oleh Koordinator JSG sebelum penyerahan sumbangan dilaksanakan.

Program Kongsi Rezeki 1.0 ini dianjurkan sebagai program berkala oleh Jabatan Sains Gunaan UiTMCPP dan penglibatan PTAR adalah untuk menggalakkan para pelajar mengunjungi perpustakaan serta menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan. Semua pelajar yang terlibat berasa senang berada di perpustakaan memandangkan ini merupakan kali pertama mereka menjelaskan kaki ke perpustakaan. Semoga program kerjasama seperti ini dapat diteruskan lagi untuk manfaat semua pihak.



Kongsi Rezeki JSG 1.0@PTAR UiTMCPP



**PROGRAM WORLD#QURANHOUR 2022:
MISI AL-SAJDAH @UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
26 APRIL 2022**

Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam

**BULETIN
IQRA**


**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PULAU PINANG**



Sempena kemuncak program berinteraksi dengan Al-Quran secara global melalui pendekatan baca, faham dan amal, PTAR UiTMCPP dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Program World#QuranHour 2022: Misi Al-Sajdah secara atas talian pada 26 April 2022. Program yang dijalankan melalui platform Webex ini telah disertai oleh seramai 92 orang peserta.

Surah Al-Sajdah yang bermaksud sujud dipilih dengan matlamat untuk menjadi panduan penyatuan ummah melalui ekonomi dalam mencapai matlamat "Dunia Berbudi & Penyayang". Fokus surah ini adalah sebagai solusi kepada rasa sompong dan kurang bersyukur dalam diri manusia sehingga mengakibatkan perpecahan dalam masyarakat dan negara. Selain itu, dengan pendidikan sujud ini, manusia dapat meningkatkan rasa kehambaan kepada Allah SWT dan seterusnya membuang ego di dalam diri masing-masing.

PTAR UiTMCPP ingin mengucapkan terima kasih kepada Ustaz Mohd Izlan Abdul Halik dan Ustaz Mohd Khairuddin Md Sul Haimi selaku pemimpin bacaan dan pentadbir Surah Al-Sajdah. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada YBhg Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang serta semua peserta yang mengikuti program ini. Semoga kita sentiasa istiqomah membaca Al-Quran setiap masa.



SISTEM PRIME BERSAMA WARGA FAKULTI SAINS KOMPUTER & MATEMATIK UiTM SHAH ALAM

8 APRIL 2022

Disediakan oleh: Nor Hafizah Md Hanafiah

**BULETIN
IQRa**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SAINS & TEKNOLOGI SHAH ALAM




Perpustakaan Tun Abdul Razak Sains & Teknologi, UiTM Shah Alam telah menganjurkan Taklimat Pendaftaran & Verifikasi Bahan Penerbitan di Modul Penerbitan Sistem PRIME bersama warga Fakulti Sains Komputer & Matematik (FSKM) pada 8 April 2022 (Jumaat) bermula jam 3.00 hingga 4.30 petang.

Taklimat ini dilaksanakan secara atas talian selama 1 jam 30 minit melalui platform Webex dan seramai 60 orang pensyarah telah menghadiri sesi ini. Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Siti Rohayu Mohamad Yusof, Pustakawan Kanan PTAR dan juga merupakan Penyelaras Koordinator PTAR-PRIME.

Antara pengisian taklimat ini adalah seperti :


- Pengenalan kepada Modul Penerbitan Sistem PRIME
- Proses Pendaftaran dan Verifikasi Bahan Penerbitan
- Sesi Soal Jawab

Diharapkan sesi ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang bagi membantu para penyelidik untuk mendaftarkan penerbitan dan penulisan mereka dengan tepat dan seterusnya memberi impak kepada pengurusan penerbitan warga FSKM dan UiTM.



**QURAN HOUR @ PST
15 APRIL 2022**

Disediakan oleh: Nor Hafizah Md Hanafiah



Program Quran Hour @ PST telah diadakan pada 15 April 2022 (Jumaat) di Ruang Learning Common PTAR Sains & Teknologi bagi mengimarahkan lagi bulan ramadhan di samping meraikan Nuzul Quran tidak lama lagi. Penglibatan staf adalah bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim di antara satu sama lain dan dapat meluangkan masa membaca Al-Quran bersama-sama. Surah yang dibaca bersama adalah Surah Al-Mulk iaitu sebanyak 30 ayat.



Kelebihan Surah Al Mulk:

Surah ini menyelamatkannya daripada azab kubur. Kelebihan juga dinyatakan pada malam hari. Seseorang yang membacanya pada malam hari telah melakukan banyak ibadah dan telah melakukan satu amalan yang baik.

"Sesungguhnya Rasulullah SAW tidak akan tidur melainkan setelah membaca surah As Sajadah dan surah Al Mulk."

Di antara kelebihan Surah ini ialah:

1. Surah ini akan menjadi penyelamat.
2. Penegah pembacanya dari seksa kubur.
3. Berada di bawah naungan sayap malaikat (mendapat rahmat Allah).
4. Di hari kiamat rupanya akan dicerahkan seperti wajah Nabi Yusuf (cantik).
5. Dinamakan Surah gagah perkasa, pintar lagi cerdik.



PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT @ PST 21 APRIL 2022

Disediakan oleh: Nor Hafizah Md Hanafiah

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SAINS & TEKNOLOGI SHAH ALAM



Program Jom Baca Bersama 10 Minit @ PST telah dijalankan pada 21 April 2022 bertempat di PTAR Sains & Teknologi (PST) jam 11.00 hingga 11.10 pagi dengan bertemakan "Bangkit Baca dan Bersyukur. Program ini berlangsung selama 10 minit dan dihadiri seramai lebih 50 orang termasuk pelajar dan staf perpustakaan.

Diharapkan agar program sebegini dapat diteruskan lagi di masa akan datang bagi mewujudkan budaya membaca di kalangan warga Universiti.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

PROMOSI@PTAR

IQRA'

The screenshot shows a web browser window with the following elements:

- Header:** Logo of Universiti Teknologi MARA, Perpustakaan Tun Abdul Razak, and the tagline "Unleashing Potentials Shaping the Future".
- Main Content:** A large graphic featuring a red scooter with a black delivery bag labeled "BOOK DELIVERY SERVICE - PTAR". To the left is a smartphone displaying a map with a delivery route. Text next to the phone says "Total distance 1,100 m".
- Text:** "BOOK DELIVERY SERVICE" in large yellow and white letters, followed by "We deliver the requested book to your doorstep."
- QR Code:** A QR code with the text "SCAN ME" below it.
- Links:** A search bar with the URL "https://bit.ly/pinjamanbuku" and social media links for UTMR, Like and follow us, and perpustakaanuitm_uitmlibrary.

BOOK DELIVERY SERVICE

The screenshot shows a web browser window with the following elements:

- Header:** Logo of Universiti Teknologi MARA, Perpustakaan Tun Abdul Razak, and the tagline "Unleashing Potentials Shaping the Future".
- Main Content:** A large graphic featuring a circular collage of various books and bookshelves.
- Text:** "KOLEKSI NOVEL" in large purple and blue letters, followed by "Pelbagai genre novel daripada barisan penulis terkenal, tajuk popular serta terbitan terkini". Below this is the address "Aras 4, Perpustakaan Tun Abdul Razak".
- Text:** "Untuk Perkhidmatan Book Delivery Service boleh layari:" followed by the URL "https://bit.ly/pinjamanbuku" and a QR code.
- Links:** A search bar with the URL "https://bit.ly/pinjamanbuku" and social media links for UTMR, Like and follow us, and perpustakaanuitm_uitmlibrary.

KOLEKSI NOVEL



جامعة تunk عبد رازاق
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



UiTM *di hatiku*



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.

